



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA
Bahagian Kawalan Penyakit
Aras 3, 4 dan 6, Blok E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8883 4527
Faks : 03-8888 6270
Laman Web : www.moh.gov.my


Ruj. Tuan
Ruj. Kami
Tarikh

10/11/2017
: /K.M. 100-2/2/3 JLD.2 (50)
November 2017

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


DATU' DR. CHONG CHEE KHEONG
(NO. M.P.M. 26477)
PENGARAH KAWALAN PENYAKIT
BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT

YBhg. Datuk,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 45/2017 (5 hingga 11 November 2017) untuk persetujuan YBhg. Datuk.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATU' DR. CHONG CHEE KHEONG)
Pengaroh Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT NO : AR 4007



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, CHIKUNGUNYA DAN ZIKA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 45/2017 dari 5 hingga 11 November 2017)

Cuti akhir tahun bagi penggal persekolahan tahun 2017 akan bermula pada 24 November 2017 untuk Negeri Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu manakala negeri-negeri yang lain akan bermula pada 25 November 2017. Justeru itu, pihak sekolah di seluruh Malaysia dimohon untuk menggerakkan warga sekolah mempertingkatkan usaha-usaha membasmi wabak Denggi sebelum cuti bermula. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan bersama pelajar adalah:

- i. Membersihkan kawasan persekitaran sekolah dengan bertujuan mencari dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk *Aedes*.
- ii. Memasukkan bahan pembunuh jentik-jentik ke dalam takungan air kekal yang tidak dapat ditukar atau dibersihkan selain perlu ditutup dengan rapat supaya nyamuk *Aedes* tidak dapat bertelur.

Sehingga 11 November 2017, jumlah kumulatif kes Denggi yang dilaporkan ialah sebanyak 77,069 kes berbanding 91,879 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 14,810 kes (16.1%). Daripada jumlah tersebut, 163 kes kematian telah direkodkan iaitu

pengurangan sebanyak 49 kes (23.1%) berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak 212 kes kematian yang dicatatkan.

Penurunan kes Denggi telah direkodkan pada Minggu Epid 45/2017 iaitu dari 5 hingga 11 November 2017 di mana 1,015 kes dilaporkan berbanding 1,159 kes pada minggu sebelumnya, pengurangan sebanyak 144 (12.4%). Untuk tempoh yang sama, sejumlah 356 lokaliti wabak Demam Denggi masih aktif dilaporkan termasuk 29 lokaliti hotspot semasa yang dilaporkan melibatkan tiga (3) buah negeri iaitu 23 lokaliti di Selangor, lima (5) lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya dan satu (1) lokaliti di Pulau Pinang.

Tiada kes Chikungunya yang dilaporkan dari 5 hingga 11 November 2017 menjadikan jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 11 November 2017 adalah kekal sebanyak 264 kes iaitu 190 kes dari Kedah, 33 kes dari Selangor, 24 kes dari Johor, 14 kes dari Kelantan, dua (2) kes dari Perak dan satu (1) kes dari Sarawak. Selain itu juga, pemantauan sistem surveilan virus Zika oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), mendapati keputusan ujian bagi 1882 sampel darah dan 32 sampel air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

16 November 2017

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 45/2017
(5 hingga 11 November 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 45/2017		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 45/2016	
		Minggu 45 (5 – 11 Nov 2017)		Minggu 44 (29 Okt – 4 Nov 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Kes	Kes	Mati				
1	Perlis	1	0	0	0	169	0	164	1
2	Kedah	19	0	15	1	1,328	5	856	2
3	P. Pinang	38	0	73	0	2,273	13	2,357	12
4	Perak	41	0	41	0	5,096	11	3,266	10
5	Selangor	541	1	601	0	41,886	60	47,257	71
6	WP KL & Putrajaya	98	0	99	0	7,771	19	7,833	18
7	N. Sembilan	17	0	31	0	2,897	11	2,489	24
8	Melaka	23	0	32	0	1,313	1	2,027	7
9	Johor	113	0	138	0	7,097	24	9,965	21
10	Pahang	28	0	31	1	1,547	6	2,614	9
11	Terengganu	4	0	3	0	265	1	1,916	19
12	Kelantan	27	0	14	0	2,397	2	5,402	9
13	Sarawak	17	0	23	0	874	4	2,466	7
14	Sabah	41	0	58	0	2,074	6	3,254	2
15	WP Labuan	7	0	0	0	82	0	13	0
	MALAYSIA	1,015	1	1,159	2	77,069	163	91,879	212

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 45/2017
(5 hingga 11 November 2017)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Surada	33	92
2	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Kajang Sentral	13	87
3	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Jln 18/8-18/28 & Flat)	22	83
4	WPKL	Cheras	Flat Sri Penara	20	75
5	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bukit Permai 1-5 Taman Bukit Permai	17	64
6	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2d Flat Desa Mentari (Blok 11)	20	64
7	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	9	62
8	SELANGOR	Gombak	Appt Pesona Villa	20	58
9	SELANGOR	Hulu Selangor	Jalan Kembojasari Bsb	14	53
10	WPKL	Cheras	Bayu Tasik Condo 1	14	52
11	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Perkasa Hulu Langat	11	46
12	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	10	44
13	P PINANG	Barat Daya	Solok Kg. Jawa	18	42

14	WPKL	Cheras	Ppr Pudu Ulu	19	41
15	SELANGOR	Petaling	Seksyen 16 (Pangsapuri Anggerik Indah)	6	39
16	SELANGOR	Klang	Kg Raja Uda (Jln Teratai)	13	38
17	SELANGOR	Gombak	Tmn Pelangi Rawang Zon B	18	37
18	WPKL	Cheras	Taman Mulia (Jln Budiman)	11	35
19	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana (Jln Kp 2)	8	34
20	SELANGOR	Gombak	Tmn Gombak Setia	9	34
21	WPKL	Kepong	Berek Polis Taman Tun Dr Ismail, Jalan Burhanuddin Helmi	8	33
22	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Sri Mawar Bandar Sri Putra	11	33
23	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Melor	8	33
24	SELANGOR	Hulu Langat	Blok N-X Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	7	33
25	SELANGOR	Petaling	Seksyen U4 (Apt Damai)	4	33
26	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Mutiara Subang : Blok 1 - 7)	12	33
27	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Flat A : Blok 1 - 22)	5	32
28	SELANGOR	Gombak	Tmn Samudera Utara	4	31
29	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Cheras	7	31